

11 SEP 1998

Komanwel-pembukaan (Hashim)

MALAYSIA BERJANJI JADIKAN KL '98 YANG TERBAIK

KUALA LUMPUR, 11 Sept (Bernama) -- Pengerusi eksekutif Sukom Ninety Eight Berhad Tan Sri Hashim Mohd Ali malam ini berjanji untuk menjadikan Sukan Komanwel Ke-16 di sini, yang terakhir pada abad ini, sebagai yang terbaik pernah diadakan untuk alaf ini.

"Adalah satu penghormatan yang besar untuk Malaysia, negara Asia yang pertama, untuk menjadi tuan rumah Sukan Komanwel Kuala Lumpur, dan kami akan menjadikannya yang terbaik pada alaf ini," kata beliau di dalam ucapannya pada upacara pembukaan gilang gemilang yang dibuka oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar di Stadium Nasional.

Hashim turut memberikan penghargaan kepada rakyat Malaysia dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana sokongan mereka serta memuji 20,000 sukarelawan kerana membantu menjayakan Sukan Komanwel kali ini.

Sambil melahirkan penghargaannya kepada Perdana Menteri kerana "sokongan beliau yang tidak pernah pudar dan tiada hadnya", Hashim berkata: "Saya percaya pembabitan beliau secara peribadi di dalam persiapan sukan ini banyak memberikan kami semangat untuk mengatasi setiap cabaran yang dihadapi."

Hashim berkata lawatan-lawatan mengejut pada hujung minggu dan cuti umum ketika gelanggang-gelanggang sedang dibina oleh Dr Mahathir membuatkan kami sentiasa bekerja keras.

--BERNAMA--